

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SESI BERSAMA PRESIDEN
16 MAC 2026 (ISNIN)
9.00 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, salam sejahtera, salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi
kesyukuran kita panjatkan ke hadrat
Allah SWT kerana dengan izin dan
limpah kurnia-Nya kita sekali lagi dapat
berkumpul bersama-sama dalam **Sesi**

Bersama Presiden bagi bulan Mac 2026.

2. Seperti bulan sebelumnya, pertemuan bulanan ini merupakan ruang untuk Pengurusan Tertinggi berkongsi perkembangan terkini organisasi serta melihat apa gerak kerja serta pencapaian yang telah kita kecapai sehingga ke hari ini
3. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua kepimpinan, barisan pengurusan, kakitangan ANGKASA serta anak-anak syarikat yang hadir pada pagi ini, sama ada di peringkat ibu pejabat mahupun dari negeri-negeri.

Warga ANGKASA yang dikasihi,

4. Seperti yang semua maklum, kita kini berada di penghujung bulan Ramadan. Jika diizinkan Allah SWT, hanya beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan menyambut **Hari Raya**

Aidilfitri. Ramadan yang kita lalui sepanjang sebulan ini bukan sahaja mendidik kita dari sudut ibadah, tetapi turut mengajar kita nilai disiplin, kejujuran, kesabaran dan tanggungjawab dalam melaksanakan amanah yang dipikul.

5. Dalam suasana kita menghampiri Syawal, saya ingin mengingatkan bahawa semangat Ramadan sepatutnya menuntut kita menjadi lebih berdisiplin dan berintegriti dalam tugas harian. Walaupun suasana perayaan semakin hampir, produktiviti kerja tidak boleh terjejas. Sebaliknya kita perlu memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan lebih tersusun, cekap dan berkesan.
6. Produktiviti dalam organisasi bukan sekadar soal menyiapkan kerja, tetapi juga soal kualiti, kecekapan dan komitmen terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya percaya warga ANGKASA memahami

bahawa setiap usaha yang kita lakukan memberi impak secara langsung kepada organisasi ini.

7. Sehubungan itu, saya berharap semua kumpulan, bahagian dan seksyen di ANGKASA terus mengekalkan momentum kerja yang positif. Pastikan setiap perancangan yang telah ditetapkan bagi suku pertama tahun 2026 dapat dilaksanakan dengan baik supaya organisasi ini terus bergerak secara tersusun dan strategik dalam mencapai matlamat yang telah digariskan.

Warga ANGKASA yang saya kasihi,

8. Bercakap mengenai produktiviti di Bulan Ramadan, saya pasti ada yang tahu bahawa saya, Dato' Haji Kamarudin Ismail dan Dato' Hj Abdullah Hj Jusoh baru sahaja menghadiri ICA-AP Regional Board Meeting pada 11 Mac 2026 di Thailand. Apa yang saya hendak '*highlight*' di

sini adalah puasa bukan penghalang untuk untuk kita terus melaksanakan tanggungjawab.

9. Perbincangan yang berlangsung bukan sahaja menyentuh tentang perkembangan ekonomi koperasi di rantau ini, malah turut memberi penekanan kepada usaha memperkukuh kerjasama antara negara anggota, khususnya dalam aspek perdagangan koperasi, pembangunan kapasiti dan pemerksaan jaringan ekonomi koperasi di peringkat antarabangsa.
10. Penglibatan aktif ANGKASA dalam platform seperti ini amat penting kerana ia membuktikan bahawa gerakan koperasi Malaysia sentiasa berada dalam arus perbincangan global. Kita juga perlu tunjuk kepada pemegang taruh iaitu kerajaan dan ahli ANGKASA bahawa kita jalankan peranan yang ditetapkan iaitu menjadi lidah kepada Gerakan ini di

peringkat nasional dan antarabangsa. Ini salah satu cara juga kita nak lindungi organisasi di mana kita mahu kerajaan akui organisasi ANGKASA ini sentiasa relevan dalam landskap koperasi negara.

Warga ANGKASA yang saya kasihi,

11. Dalam konteks kebajikan dalaman organisasi pula, saya dimaklumkan bahawa Bahagian Korporat ANGKASA telah menggerakkan satu inisiatif murni melalui **Tabung Kasih Warga ANGKASA**. Inisiatif ini digerakkan dengan semangat kebersamaan dan keprihatinan sesama warga organisasi.
12. Melalui sumbangan yang dikumpulkan dalam tabung ini, pihak warga ANGKASA menyalurkan bantuan dalam bentuk tunai dan ianya akan ditukar kepada bentuk barangan keperluan asas untuk diagihkan kepada warga ANGKASA yang memerlukan. Usaha ini

mencerminkan nilai agama dan semangat kekeluargaan yang menjadi teras kepada budaya kerja dalam organisasi kita.

13. Saya amat menghargai usaha yang digerakkan oleh Bahagian Korporat ini. Walaupun mungkin nilainya tidak sebesar mana, namun maknanya sangat besar kerana ia melambangkan keprihatinan kita terhadap kebajikan rakan sekerja.

14. Saya berharap budaya prihatin seperti ini terus subur dalam organisasi kita. Sesebuah organisasi tidak hanya dinilai melalui pencapaian ekonominya semata-mata, tetapi juga melalui nilai kemanusiaan yang diamalkan oleh warganya.

Warga ANGKASA yang saya kasihi,

15. Menjelang sambutan Aidilfitri yang bakal tiba, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan

penghargaan kepada seluruh warga ANGKASA atas komitmen kerja yang ditunjukkan. Kepada yang akan pulang ke kampung halaman, pandu berhati – hati dan pastikan keadaan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan selamat untuk perjalanan jarak jauh.

16. Akhir kata, saya ingin mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada seluruh warga ANGKASA. Semoga Aidilfitri yang bakal disambut nanti membawa kebahagiaan kepada kita semua serta menjadi pemangkin untuk kita kembali bekerja dengan semangat baharu demi terus memperkukuh organisasi ANGKASA ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.